

# TIDAK HADIR BERTUGAS

## PERATURAN 23

**PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993  
[P.U.(A)395/1993]**



1. Ketidakhadiran daripada bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan seseorang pegawai dikenakan tindakan tatatertib.
2. Jika seseorang pegawai tidak hadir daripada bertugas, Ketua Jabatan hendaklah, dengan seberapa segera, melaporkan fakta itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan berserta dengan tarikh-tarikh dan hal keadaan ketidakhadiran itu dan apa-apa maklumat selanjutnya yang mungkin dikehendaki berkenaan dengan pegawai itu.
3. Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan boleh, setelah menimbangkan laporan dalam subperaturan (2), mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai itu mengikut peraturan 27 atau 28.
4. Bagi maksud peraturan ini, "ketidakhadiran" termasuklah kegagalan untuk hadir bagi apa-apa juga tempoh masa pun pada satu-satu masa dan tempat di mana pegawai itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugas-tugasnya.

## ADAKAH ANDA TAHU?

Jika anda mempunyai masalah ketidakhadiran, terdapat cuti-cutি dalam perkhidmatan yang dapat membantu seperti :

### Perintah Am (Bab C)

1. Cuti Rehat
2. Cuti Separuh Gaji
3. Cuti Tanpa Gaji
4. Cuti Sakit
5. Cuti Sakit Lanjutan
6. Cuti Pemulihan dan Kerantina
7. Cuti Kecederaan
8. Cuti Tibi, Kusta, Barah

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14/2005

1) Cuti Mengikut Pasangan

**PASTIKAN ANDA MENDAPAT KEBENARAN KETUA JABATAN  
BAGI SEBARANG KETIDAKHADIRAN SEMASA BERTUGAS**

**KEGAGALAN PEGAWAI AWAM MEMATUHI PERATURAN BOLEH  
DIKENAKAN HUKUMAN TATATERTIB DAN BUANG KERJA**



**UNIT INTEGRITI  
JABATAN PERTANIAN  
ARAS 14, WISMA TANI  
PUTRAJAYA**